

20/02/2003

Mesyuarat tidak rasmi OIC mampu tekan Amerika

KUALA LUMPUR: Persetujuan Qatar, Pengerusi Pertubuhan Islam (OIC) untuk menyokong cadangan Malaysia bagi mengadakan mesyuarat tidak rasmi di kalangan negara anggota OIC sehari selepas Sidang Kemuncak Pergerakan Negara Berkecuali (NAM) pada 26 Februari ini, mampu meningkatkan tekanan kepada Amerika Syarikat supaya tidak menyerang Iraq.

Pengerusi Biro Perhubungan Antarabangsa Pergerakan Pemuda Umno, Dr Shamsul Anwar Sulaiman, berkata walaupun ia mesyuarat tidak rasmi, namun sedikit sebanyak mampu melahirkan satu resolusi atau deklarasi bersama negara anggota OIC bagi menghalang tindakan Amerika menyerang Iraq.

"Kita berharap mesyuarat tidak rasmi negara anggota OIC sempena sidang NAM itu dapat melahirkan pendirian tegas bersama, khususnya ketika Iraq di ambang peperangan, manakala Palestin terus diancam kekejaman Zionis," katanya ketika dihubungi di sini semalam.

Kelmarin, Qatar seperti dimaklumkan oleh Menteri Luar, Datuk Seri Syed Hamid Albar menyokong usaha Malaysia mengadakan mesyuarat tidak rasmi sehari selepas Sidang Kemuncak NAM pada 26 Februari ini.

Syed Hamid dipetik sebagai berkata, persetujuan dan sokongan terhadap usaha mengadakan mesyuarat tidak rasmi OIC itu disampaikan oleh Emir Qatar, Sheikh Hamad Khalifa Al Thani kepada Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Sebelum ini, Dr Mahathir melahirkan rasa kecewanya berikutan sikap Qatar yang menolak cadangan Malaysia dan Iran bagi mengadakan mesyuarat khas tidak rasmi sempena NAM.

Dr Shamsul berkata, penolakan awal Qatar terhadap usaha mengadakan mesyuarat khas tidak rasmi itu mungkin berlaku akibat salah faham atau kekeliruan terhadap usaha Malaysia itu.

Beliau berkata, keadaan itu mungkin timbul kerana Qatar juga merancang mengadakan sidang tergempar OIC di Doha, Qatar dan mereka mungkin bimbang mesyuarat tidak rasmi OIC di Kuala Lumpur akan membayangi mesyuarat di Doha yang tarikhnya belum ditetapkan lagi.

"Apapun kita berharap mesyuarat tidak rasmi OIC di Kuala Lumpur akan membuahkan hasil dan dapat mengemukakan satu resolusi tegas bersama agar Amerika tidak mengambil tindakan ketenteraan terhadap Iraq," katanya.

Daripada 114 negara anggota NAM, sidang kemuncak kali ini akan dihadiri oleh 40 ketua negara OIC. OIC dianggotai 56 negara dan kali terakhir mengadakan sesi khas ialah pada April tahun lalu di Kuala Lumpur bagi membincangkan isu keganasan.

Dr Shamsul berkata, walau Amerika mendapat mandat Pertubuhan Bangsa Bersatu (PBB) sekalipun bagi menyerang Iraq, Pergerakan Pemuda Umno akan mengemukakan bantahan dan tentangan terhadap langkah itu.

"Pemuda Umno berpendapat dalam apa juga alasan dan keadaan sekalipun, peperangan bukanlah jalan penyelesaian. Semua pihak perlu mencari puncanya terlebih dahulu bagi mengelak peperangan," katanya.